

RESOLUSI FORUM KEPIMPINAN WANITA DALAM POLITIK
“MEMACU REALITI PENINGKATAN JUMLAH PERWAKILAN WANITA
DALAM PRU15 DAN BADAN LEGISLATIF”

5 OKTOBER 2022

Resolusi ini terhasil dalam *Forum Kepimpinan Wanita dalam Politik* anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Majlis Pemimpin Politik Wanita Malaysia (COMWEL).

Kami, peserta daripada pelbagai latar belakang, keturunan, jantina, agama, budaya, ideologi dan status sosioekonomi yang menghadiri forum *Kepimpinan Wanita Dalam Politik* pada 5 Oktober 2022 di Dewan Bankuasi, Kelab DiRaja, Tasik Perdana, Kuala Lumpur;

Tidak boleh menerima bahawa,

- setelah 65 tahun merdeka jumlah kepimpinan wanita dalam badan legislatif tidak pernah melebihi 15% iaitu 14.86% di Dewan Rakyat, 11.42% di Dewan Negara dan 11.57% di Dewan Undangan Negeri;
- kedudukan Malaysia bagi kepimpinan wanita dalam badan legislatif di Inter-Parliamentary Union (IPU) dan Global Gender Gap Index adalah amat mendukacitakan;
- sistem pendidikan telah menghasilkan wanita terpelajar dan berkemahiran tinggi tetapi tidak dilibatkan sepenuhnya sebagai pemimpin;
- semua parti politik hanya mencalonkan sejumlah kecil wanita dalam setiap pilihan raya umum walaupun majoriti pengundi dan perayu undi ialah wanita;
- ketandusan wanita dalam badan legislatif masih berlaku sungguhpun terdapat desakan oleh sayap wanita parti-parti politik untuk melaksanakan sasaran sekurang-kurangnya 30% pencalonan wanita dalam pilihan raya dan kepimpinan parti.

Bersyukur dan menghargai,

- komitmen Kerajaan kepada pariti gender melalui beberapa langkah, termasuk memindahkan Artikel 8(2) Perlumbagaan Persekutuan, menetapkan sasaran 30% wanita di peringkat membuat keputusan tertinggi dalam sektor awam dan swasta, memperkenalkan *gender*

budgeting dan memperakui instrumen antarabangsa seperti Convention on the Elimination of Discrimination Against Women (CEDAW); pelaksanaan matlamat Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030); Beijing Platform of Action 1995; dan membuat janji dan komitmen untuk menunaikan pemerkasaan dan kesaksamaan gender dalam dokumen pencalonan Malaysia ke Human Rights Council;

- inisiatif pihak swasta dan industri yang telah menerima pakai Sustainable Development Framework (merangkumi prinsip alam sekitar, sosial dan governans atau ESG) yang termasuk prinsip pemerkasaan gender dalam industri tertentu.

Mengetahui bahawa,

- dunia IR4.0 yang beroperasi tanpa sempadan dan terdedah kepada bermacam-macam idea dan maklumat yang berpotensi menjadi sumber konflik atau sumber kekayaan memerlukan gaya kepimpinan yang peka dan hormat-menghormati segala kepelbagai dan bertindak inklusif;
- kajian-kajian menunjukkan gaya kepimpinan ini terdapat dalam kalangan wanita yang memiliki ciri-ciri yang mementing dan berorientasikan perhubungan (*relationship oriented*), berempati, kurang berkuku besi (*less authoritative*), lebih gemar bergabung dan bekerjasama (*affiliative and collaborative*) berbanding bersaing, lebih beretika dan boleh dipercayai dan lebih cenderung membuat transformasi; gaya kepimpinan ini adalah kekuatan kepimpinan wanita yang sangat sesuai dengan keadaan dunia sekarang;
- proses sosialisasi wanita yang dipengaruhi sistem patriarki, salah tafsiran agama dan salah anggapan masyarakat tentang kebolehan kepimpinan anak perempuan telah menurunkan keyakinan wanita untuk memimpin dan mereka sendiri membina rintangan psikologi yang enggan menonjol bakat sebagai pemimpin, walaupun mereka berkebolehan dan berkemahiran tinggi.

Maka, kami sebulat suara dan bersama-sama berganding bahu, menyeru dan bertekad untuk merealisasikan satu lonjakan peningkatan calon wanita dalam PRU15 dan PRU seterusnya ke arah pembentukan masyarakat demokratik yang matang dan kesaksamaan gender dalam kepimpinan bagi mencapai status negara maju, makmur dan sejahtera melalui tindakan-tindakan berikut:

1. **Menggesa parti-parti politik** untuk menerima hakikat bahawa parti politik merupakan tunjang demokrasi dan penentu inklusiviti wanita dalam kepimpinan dan kepelbagaiannya gender dalam kepimpinan akan memperkayakan kreativiti, meningkatkan mutu pembuatan keputusan, dan menambah produktiviti parti, justeru membuat komitmen:

 - a. menambah baik proses pemilihan calon peringkat parti dengan memastikan sekurang-kurangnya seorang calon ialah wanita bagi setiap kerusi negeri dan parlimen;
 - b. menetapkan dasar sekurang-kurangnya 30% daripada calon PRU15 dan pilihan raya seterusnya ialah wanita di kerusi yang berpotensi menang;
 - c. merangka strategi supaya 30% calon PRU diterjemahkan kepada 30% dalam badan legislatif;
 - d. memperkuuh latihan kepimpinan, *mentoring* dan *coaching* bagi meningkatkan jumlah bakat pemimpin dalam kalangan wanita;
 - e. Mengkaji semula struktur dan hierarki parti dengan menetapkan sekurang-kurangnya 30% peratus wanita dalam kepimpinan tertinggi parti;
 - f. Memastikan sekurang-kurangnya 30% wanita dalam kepimpinan peringkat negeri dan kabinet persekutuan.
 - g. Memastikan sekurang-kurangnya seorang wanita dilantik sebagai Senator daripada setiap negeri.
 - h. Menyediakan kemudahan mesra keluarga iaitu perkhidmatan jagaan kanak-kanak di premis parti dan keperluan lain seperti semasa kempen pilihan raya.
2. **Menyokong NCWO** membentuk satu Jawatankuasa Pemantauan Masyarakat Sivil PRU15 (PantauPRU15) bersama sukarelawan masyarakat civil dengan tujuan:

Peringkat Pra Pencalonan

- a. mencetus satu gelombang padu dan sistematik sebagai gesaan pentingnya peningkatan pencalonan wanita oleh parti politik bersama-sama media arus perdana dan alternatif, serta media dalam talian.

Peringkat Pertandingan PRU15

- b. menjalankan kempen erat bersama media bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan lebih ramai wanita sebagai ahli dalam badan legislatif;
- c. menguar-uarkan kepada masyarakat umum kebolehan, visi dan pencapaian calon-calon wanita daripada setiap parti politik yang bakal bertanding di PRU15;

Peringkat Jangka Panjang

- d. memulakan inisiatif untuk reformasi legislatif peringkat negeri dan persekutuan bagi meningkatkan jumlah wanita di dalam kepimpinan politik peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri selari dengan prinsip demokrasi, kesaksamaan gender dan hak asasi manusia.
3. **Menggesa wanita dalam politik** dan pemimpin politik wanita meningkatkan keberkesanan usaha menambah calon wanita dalam PRU15 dan PRU seterusnya dengan mengambil tindakan berikut:
- a. memperluaskan kuasa jaringan atau *networking* yang merentasi ideologi politik untuk memperkuuh perpaduan, solidariti dan suara bersama (*collective*) dalam advokasi dan perjuangan meningkatkan calon Wanita dalam PRU dengan impak yang lebih tinggi dan benar-benar bermakna bagi wanita;
 - b. memupuk hubungan dan sistem sokongan *Wanita bantu Wanita* sebagai mentor yang membimbang dan menunjuk-ajar wanita muda maju dalam kerjaya politik;
 - c. memperkuuh kolaborasi sinergistik dengan pihak yang berkepentingan seperti masyarakat civil, media dan akademia untuk memajukan agenda kepimpinan wanita dalam badan legislatif;
 - d. mempersiapkan diri dengan penguasaan ilmu dan kemahiran daripada sistem formal dan pendidikan profesional berterusan (*continuing professional development*) untuk petah berhujah tentang isu semasa dan mengatasi rintangan psikologi (*psychological barrier*) dan membina keyakinan diri sebagai pemimpin;
 - e. mempamerkan sentiasa ciri-ciri kepimpinan yang inklusif dan hormat-menghormati kepelbagaian sesuai dengan zaman sekarang.

4. Menggesa Kerajaan untuk:

- a. meneruskan dasar sekurang-kurang 30% wanita diperingkat membuat keputusan dan memantau pencapaiannya dalam semua sektor termasuk politik;
- b. mengguna Pendidikan sebagai alat transformasi secara terbaik untuk mencapai pemerkasaan sosial, ekonomi dan politik bagi wanita;
- c. membuat reformasi perundangan bagi meningkatkan pencalonan wanita dalam pilihanraya dan dewan legislatif.

5. Menggesa setiap keluarga selaku unit terpenting dalam proses sosialisasi anak-anak dan transmisi nilai keluarga dan spiritual dari generasi ke generasi, untuk menanam nilai positif dan menghapus stereotaiping peranan dan sikap negatif tentang kebolehan anak perempuan.

6. Menggesa media elektronik dan cetak untuk:

- a. memperkasakan wanita dalam politik dengan menekankan pentingnya penglibatan wanita untuk memupuk demokrasi yang matang dan tadbir urus yang baik;
- b. memberi pendedahan dalam media untuk wanita menonjolkan kebolehan dan kemahiran sebagai persediaan membina kumpulan calon berbakat untuk pilihan raya;
- c. menghapus prasangka negatif dan salah tanggapan masyarakat yang dipengaruhi tradisi dan budaya turun temurun tentang kebolehan wanita menjadi pemimpin;
- d. mengubah dan menghapus gender stereotaip untuk mencapai pariti gender.